

Usaha pendigitalan mula perlihatkan kesan positif

Kadar perbelanjaan dalam talian antara Oktober, November melonjak

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@bh.com.my

Kadar perbelanjaan dalam talian di Malaysia meningkat 34.5 peratus antara Oktober hingga November lalu berbanding -3.4 peratus antara Mac hingga Mei 2020, sekali gus menandakan usaha pendigitalan membuahkan hasil memberangsangkan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kerajaan dengan kerjasama semua pihak sedang giat mempersiapkan Malaysia ke arah transformasi digital bagi memacu pertumbuhan ekonomi mapan dan saksama di seluruh negara, sekali gus menyediakan tenaga kerja dengan kemahiran yang tepat untuk memenuhi cabaran industri pada masa hadapan.

Beliau berkata, kerajaan sudah mempercepatkan usaha memudah cara rakyat dan perniagaan mengadaptasi pendigitalan, bermula dengan inisiatif yang diperkenalkan dalam pakej PRIHA-



TIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN sejak Mac lalu untuk membantu perniagaan memulakan penghijrahan digital mereka sendiri.

Katanya, ekonomi digital adalah fokus utama dalam pelan pemulihan ekonomi negara agar negara pulih kembali seperti sedia kala.

“Pada peringkat pengguna, kerajaan sudah memperkenalkan inisiatif ePenjana pada Julai lalu untuk merencanakan pembelian secara digital.

“Lebih 11 juta rakyat menikmati kredit e-dompet sebanyak RM50 dan kesannya lebih banyak perniagaan mula menerima pembayaran e-dompet.

“Melalui program Shop Online Malaysia dan Kempen PKS dan Mikro pula, jualan bernilai lebih RM1.2 bilion berjaya dijana sejak Julai. Dengan kerjasama lebih 22 syarikat e-dagang, lebih 115,000

PKS baharu dan lama tempatan mengadaptasi penjualan secara digital dan atas talian dalam urusan harian mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Minggu Saham Digital (MSD) yang dianjurkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) buat pertama kali secara virtual sepenuhnya.

Tengku Zafrul berkata, dalam Belanjawan 2021, pelbagai inisiatif diperkenalkan, termasuk menggalak penggunaan e-dompet oleh rakyat, operasi e-dagang oleh perniagaan serta peningkatan infrastruktur digital di seluruh negara termasuk di luar bandar, sekolah dan kawasan perindustrian dengan inisiatif Jalan Digital Negara atau JENDELA yang membabitkan peruntukan RM7.4 bilion.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) berkata, pada ta-

hun ini sahaja, pelbagai platform pelaburan digital atau mudah alih diperkenalkan, dengan instrumen pelaburan yang pelbagai termasuk mata wang, saham dan juga amanah saham.

Katanya, kerajaan juga tidak terkecuali dan menerbitkan sukuk digital pertama negara melalui Sukuk Prihatin pada September lalu dengan berjaya menarik perhatian pelabur pasaran modal membabitkan langganan RM666 juta, melebihi jumlah asal RM500 juta, walaupun dilanggan melalui platform digital secara keseluruhannya.

Mengulas mengenai MSD, Tengku Zafrul berkata, pengurusan MSD tepat pada masanya, tambahan pula dalam keadaan sekarang yang tidak menentu.

Beliau berkata, perkongsian maklumat dalam talian menerusi MSD memastikan rakyat mendapat manfaat dengan cara selamat dan selesa, dari mana sahaja mereka mengikutinya.

“PNB memainkan peranan yang penting membantu rakyat mendalami ilmu pengurusan kewangan melalui acara seperti MSD.

“Kita semua perlu menerapkan disiplin dalam menguruskan kewangan dan menceburi pelaburan, yang mana terdapat pelbagai instrumen mudah seperti amanah saham dan simpanan persaraan yang boleh menjana pulangan tinggi dengan simpanan yang ada dan disiplin tinggi dalam tempoh pelaburan yang kita tetapkan,” katanya.